



BINCANG: Tertuduh-tertuduh dilihat bersama ibu bapa masing-masing ketika berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching semalam.

Rompak: Lima remaja lelaki diperintah dihantar ke Sekolah Henry Gurney

KUCHING: Lima remaja lelaki berusia antara 14 hingga 18 tahun diperintahkan dihantar ke Sekolah Henry Gurney, Puncak Borneo oleh Mahkamah Sesyen semalam kerana melakukan rompakan berkumpulan dengan bersenjatakan sebilah parang dan sebatang kayu di sebuah premis di Jalan Tun Jugah pada 1 Jun lalu.

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar memerintahkan dua tertuduh masing-masing berusia 18 tahun yang dikategorikan sebagai pesalah muda itu dihantar ke sekolah berkenaan sehingga mencapai usia 21 tahun.

Sementara dua tertuduh berusia 15 tahun dan seorang lagi berusia 14 tahun yang dikategorikan sebagai pesalah kanak-kanak diperintah untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney, Puncak Borneo selama tiga tahun.

Hukuman itu dijatuhkan setelah mengambil kira kepentingan awam, pengakuan bersalah, fakta dan keadaan kes, penerimaan bahan bukti, faktor-faktor mitigasi dan pemberian, prinsip-prinsip hukuman yang telah lama diguna pakai serta corak hukuman semasa.

Hari ini merupakan sebutan semula kes bagi mendengar laporan sosial dan laporan akhlak serta fakta kes dan hukuman bagi kesemua tertuduh.

Terdahulu pada 5 Ogos

2026, lima remaja tersebut mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 395 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 397 Kanun sama yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh disabit, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, kesemua remaja lelaki tersebut bersama seorang lagi yang masih bebas dituduh melakukan rompakan berkumpulan dengan mengambil wang tunai RM1,000 dan rokok pelbagai jenama daripada seorang pekerja kedai berusia 19 tahun dengan bersenjatakan sebilah parang dan sebatang kayu.

Kesalahan itu dilakukan mereka sekitar jam 4 pagi di sebuah kedai serbaneka 24 jam di Jalan Tun Jugah di sini pada 1 Jun 2026.

Fakta kes mendedahkan pekerja kedai membuat laporan polis menyatakan dia telah dirompak oleh lima individu yang bersenjatakan sebilah parang dan kayu.

Lelaki-lelaki berkenaan juga telah mengugut dan memaksa pekerja menyerahkan wang tunai kira-kira RM1,000 dan rokok pelbagai jenama, selain merosakkan monitor kamera litar tertutup (CCTV) dan mesin juruwang sebelum melarikan diri.

Berikutan kejadian itu, laporan polis dibuat dan hasil siasatan membawa kepada penangkapan kesemua tertuduh.

Siasatan lanjut mendapati kelima-lima tertuduh mengaku terlibat dalam kejadian tersebut dan menyatakan merekamelakukan rompakan atas arahan seorang individu masih bebas yang dikenal pasti sebagai ketua dan dalang utama.

Selain itu, rakaman CCTV jelas menunjukkan 'ketua' memasuki premis terlebih dahulu sebelum diikuti empat tertuduh lain.

Ketua berkenaan dilihat mengambil wang tunai dari kaunter juruwang, manakala seorang tertuduh mengacukan parang kepada pekerja sebelum mengambil wang tunai.

Seorang lagi tertuduh mengambil pelbagai jenama rokok dari rak di belakang kaunter, sementara dua yang lain menggunakan kayu untuk memecahkan monitor komputer, mesin juruwang dan barangan lain di kaunter.

Sementara seorang lagi tertuduh pula berperanan sebagai pemandu kereta sedan berwarna merah yang menunggu di luar premis.

Rakaman CCTV turut menunjukkan dua pekerja berada di kaunter ketika kejadian dan ketakutan selepas diugut menggunakan senjata.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Adriana Maisarah Mohd Farid manakala kesemua remaja lelaki terbabit tidak diwakili peguam.